

## Kemas kini data atasi pertindihan maklumat penerima vaksin

KOTA BHARU: Pasukan Petugas Khas Imunisasi COVID-19 (CITF) akan melaksanakan pengharmonian data dalam usaha mengatasi masalah pertindihan maklumat penerima vaksin, sekali gus memastikan ia tepat dan terkini,

Menteri Sains Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Dr Adham Baba, berkata langkah itu diambil menerusi kerjasama pihaknya dengan Kementerian Kesihatan (KKM) serta MIMOS berikutan data penduduk yang menerima vaksinasi harian di beberapa negeri termasuk paling ketara di Kelantan perlu dikemaskini.

Beliau berkata menerusi census yang diperoleh daripada Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) jumlah populasi dewasa yang mendaftar untuk menerima vaksin di negeri ini ialah 1.2 juta.

"Kita akan harmonikan data ini kerana ketika kita cari mereka yang berada di Kelantan untuk divaksin, kita dapat bahawa mereka telah diberikan vaksin di negeri-negeri lain.

"CITF akan melakukan pengharmonian data itu, seterusnya kita yakin dapat mencapai pemberian vaksin (imuniti kelompok) pada September di Kelantan," katanya pada sidang media di pusat pemberian vaksin (PPV) Awam Dewan Sri Tunjong, Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan, di sini hari ini.

Dr Adham berkata setakat ini, peratusan vaksinasi lengkap di Kelantan bagi populasi dewasa adalah melebihi 50 peratus, manakala 73 peratus daripada populasi dewasa sudah menerima sekurang-kurangnya satu dos.

"Berdasarkan pembentangan pemantauan pengedaran vaksin COVID-19 ketika mesyuarat CITF pada 8 September lalu, Kelantan bakal menerima bekalan vaksin sebanyak 1,248,900 juta dos sepanjang bulan ini.

"Selain itu, sebanyak 18,000 dos vaksin CanSino akan dibekalkan di kawasan pedalaman terutamanya di Gua Musang dan Kuala Krai," katanya.

Beliau berkata, lebih 90 peratus populasi dewasa di Malaysia memperoleh sekurang-kurangnya satu dos vaksin, manakala lebih 70 peratus lengkap divaksinasi.

"Peratusan populasi negara juga amat memberangsangkan dengan lebih 50 peratus sudah lengkap divaksinasi dan lebih 65 peratus menerima sekurang-kurangnya satu dos.

"Pada ketika ini, pihak kami sedang berusaha dan bekerja keras untuk memastikan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) berjalan dengan sempurna dan sudah pun bersetuju supaya lebih banyak lagi program vaksinasi secara 'walk in' atau outreach diadakan bagi

menjejaki mereka yang sebelum ini mungkin tercicir daripada pendaftaran sistem MySejahtera," katanya.

<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/09/862674/kemas-kini-data-atasi-pertindihan-maklumat-penerima-vaksin>